PENGGOLONGAN KATA

saujana.sg

# kata kerja transitif

**Kata Kerja yang diikuti objek untuk menjadi frasa kerja yang dapat bertugas sebagai predikat ayat. Biasanya objek terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Contoh:**

- **Kami sedang membaca buku.**
- **Doktor muda itu membedah pesakit jantung**
- **Budak itu menolak adik saya.**

PENGGOLONGAN KATA

saujana.sg

# kata kerja tak transitif

**Tidak seperti Kata Kerja Transitif, Kata Kerja Tak Transitif tidak memerlukan objek. Contoh:**

- **Ayahnya berniaga.**
- **Dia hendak menjadi polis.**
- **Cikgu Hasyim sudah bersara**
- **Gani tidur kerana terlalu mengantuk.**
- **Ali memekik-mekik sambil melompat-lompat.**